



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007


NAMA MATA PELAJARAN : PERANCANGAN BANDAR
KOD MATA PELAJARAN : BPE 2292
KURSUS : 2 BPD
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI
BAHAGIAN A DAN DUA (2)
SOALAN DI **BAHAGIAN B**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (30 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

- S1 Rajah 1 menunjukkan plot bangunan bagi kompleks membeli belah dengan ruang bangunan yang dibenarkan ialah 60%. Diberi lebar jalan AB = 66 kaki, jarak AC = 400 kaki, CF = 250 kaki dan keluasan ruang lantai Lot A dan B masing-masing 100 000 dan 250 000 kaki persegi. Kira nisbah plot bagi bangunan kompleks membeli belah sebagaimana yang dibenarkan.



Rajah 1: Nisbah Plot Bangunan Kompleks Membeli-belah

(10 markah)

- S2 Menurut Beer, A. N. (1990) perancangan tapak sewajarnya melibatkan pelbagai jenis profesion kerana prosesnya melibatkan pelbagai faktor yang menentukan kesesuaian pembangunan di sesebuah tapak. Huraikan dengan ringkas proses perancangan tapak.

(10 markah)

- S3 Analisis tapak bertujuan untuk mengenal pasti potensi dan halangan yang terdapat dalam perancangan sesuatu pembangunan harta tanah. Senaraikan **sepuluh (10)** elemen dalam proses analisis tapak.

(10 markah)

BAHAGIAN B (50 MARKAH)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

S4 Anda sebagai seorang pengurus harta tanah telah ditugaskan untuk meninjau potensi tapak di satu kawasan pembangunan yang telah dikenalpasti. Tugasan tersebut juga memerlukan anda merujuk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan undang-undang lain yang menyokong. Bincangkan **empat (4)** undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti perancangan bandar di Malaysia.

(25 markah)

S5 Kawalan pembangunan merupakan prosedur perancangan dan strategi pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dalam melaksanakan polisi dan pelan-pelan pembangunan. Ia juga bertujuan untuk menghasilkan satu susunan dan perhubungan yang berkaitan dengan keseimbangan sosial, fizikal dan ekonomi. Bincangkan secara ringkas kaedah-kaedah kawalan pembangunan yang dilaksanakan di Malaysia.

(25 markah)

S6 Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) ialah satu alat (iaitu dokumen) yang dijadikan sebagai asas untuk menilai permohonan kebenaran merancang dengan mengandungi analisis cadangan pembangunan (development proposal analysis) dan analisis tapak perancangan (site planning analysis). Seksyen 21A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dengan jelas menyatakan keperluan terhadap penyediaan LCP ini.

(a) Apakah tujuan LCP diadakan bagi maksud pembangunan harta tanah?

(10 markah)

(b) Bagaimanakah sesuatu bentuk pembangunan itu dikecualikan daripada penyediaan LCP?

(15 markah)

- S7 *“The Earth is one but the world is not. We all depend on one biosphere for sustaining our lives. Yet each community, each country, strives for survival and prosperity with little regards for its impacts on others”.*

Pernyataan di atas telah dipetik daripada World Commission on Environment and Development (1992). Ia merupakan satu peringatan kepada masyarakat dunia terhadap kepentingan pendekatan pembangunan mampan.

- (a) Bincangkan prinsip-prinsip dan falsafah pembangunan mampan.
(15 markah)
- (b) Nyatakan komponen-komponen dalam perancangan bandar mampan.
(10 markah)